UMT PRESS

Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research
Journal Homepage: https://journal.umt.edu.my/index.php/umtjur/
eISSN: 2637-1138
DOI: http://doi.org/10.46754/umtjur.2026.10.002



PENGARUH KECERDASAN EMOSI DAN GAYA KEIBUBAPAAN TERHADAP TAHAP KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN MANGSA BULI DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH KUALA TERENGGANU

THE INFLUENCE OF EMOTIONAL INTELLIGENCE AND PARENTING STYLES ON MENTAL HEALTH LEVELS AMONG BULLYING VICTIMS IN SECONDARY SCHOOLS IN KUALA TERENGGANU DISTRICT

ANISAH MOHD AZMAN DAN NOR AIZAL AKMAL ROHAIZAD*

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

**Corresponding author: aizal@umt.edu.my*

ARTICLE INFO

Article History:
Received: 2 January 2025
Revised: 11 June 2025
Accepted: 2 August 2026
Published: 15 October 2026

Keywords:
Kecerdasan emosi, gaya keibubapaan, tahap kesihatan mental, mangsa buli

ABSTRACT

Pengaruh kecerdasan emosi dan gaya keibubapaan dapat memberikan impak yang besar terhadap kesihatan mental dalam kalangan pelajar sekolah. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi terhadap tahap kesihatan mental dalam kalangan mangsa buli di sekolah menengah sekitar daerah Kuala Terengganu. Kajian ini menggunakan teknik pensampelan bertujuan (purposive sampling) dan *snowball.* Responden kajian terdiri daripada pelajar mangsa buli dalam lingkungan umur 13 hingga 14 tahun di sekolah menengah daerah Kuala Terengganu. Sebanyak N = 200 responden telah dipilih melalui teknik pensampelan bertujuan yang menggunakan kaedah *snowball* dan juga dengan bantuan maklumat yang diperoleh daripada rekod guru kaunseling sekolah. Terdapat tiga instrumen yang digunakan dalam kajian ini, iaitu gaya keibubapaan diukur menggunakan instrumen *The Parental Authority Questionnaire* (PAQ), kecerdasan emosi diukur menggunakan instrumen Salovey dan Mayer (1990) dan tahap kesihatan mental diukur menggunakan instrumen *General Health Questionnaire* (GHQ-12). Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan ujian kolerasi Pearson. Hasil analisis menunjukkan gaya keibubapaan autoritatif mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan tahap kesihatan mental mangsa buli ($r = -0.626$, $p = 0.001$), manakala gaya keibubapaan autoritarian menunjukkan hubungan positif yang kuat dan signifikan ($r = 0.701$, $p = 0.001$). Gaya keibubapaan permisif pula menunjukkan hubungan negatif yang sederhana dan signifikan terhadap tahap kesihatan mental mangsa buli ($r = -0.614$, $p = 0.001$). Oleh itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu ibu bapa dan pihak sekolah untuk melaksanakan langkah pencegahan awal

UNCORRECTED PROOF

serta intervensi yang berfokus pada aspek kesihatan mental dalam kalangan remaja.

Emotional intelligence and parenting styles can have a significant impact on the mental health of school students. This study was conducted to identify the influence of parenting styles and emotional intelligence on the level of mental health among bullying victims in secondary schools in Kuala Terengganu district. This study employed purposive sampling and snowball sampling techniques. The respondents consisted of bullying victims aged 13 to 14 years old from secondary schools in Kuala Terengganu district. A total of N = 200 respondents were selected through purposive sampling using the snowball method, with assistance from information obtained from school counsellors' records. Three instruments were used in this study. Parenting styles were measured using the Parental Authority Questionnaire (PAQ), emotional intelligence was measured using the Salovey and Mayer (1990) instrument, and mental health was measured using the General Health Questionnaire (GHQ-12). The data were analysed using descriptive analysis and Pearson correlation analysis. The findings showed that the authoritative parenting style had a significant negative relationship with the mental health level of bullying victims (r = -0.626, p = 0.001), while the authoritarian parenting style showed a significant strong positive relationship (r = 0.701, p = 0.001). The permissive parenting style showed a significant moderate negative relationship with the mental health level of bullying victims (r = -0.614, p = 0.001). Therefore, the findings of this study are expected to assist parents and school authorities in implementing early preventive measures and interventions focusing on mental health among adolescents.

© UMT Press

UNCORRECTED PROOF

Pengenalan

Masa remaja merupakan tempoh yang penting untuk membina perkembangan sosial dan emosi demi kesejahteraan mental. Pernyataan tersebut telah menunjukkan bahawa definisi bagi kesihatan mental secara umumnya ditentukan oleh beberapa dimensi penting seperti psikofizikal, biologi, dan sosial dalam diri individu (Soriano-Sánchez, 2022). Namun begitu, perubahan dari segi fizikal, emosi, dan sosial dapat menyebabkan remaja terdedah kepada masalah kesihatan mental (World Health Organization [WHO], 2021). Keadaan ini dapat dibuktikan melalui data WHO yang menyatakan bahawa kebanyakan individu yang mengalami gangguan mental bermula pada usia 14 tahun (WHO, 2019).

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat perkaitan antara remaja yang merupakan mangsa buli dengan isu kesihatan mental. Mangsa buli akan mempunyai kesan negatif yang ketara terhadap fizikal dan psikologi kesihatan remaja. Antaranya ialah loya, sakit kepala, mengalami masalah tidur, keletihan, tingkah laku yang mencederakan diri sendiri, kesunyian, kemurungan, psikosis, dan idea untuk membunuh diri berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai sejarah kes

buli (Bang & Park, 2017; Murshid, 2017; Zhou *et al*., 2017). Tambahan pula, menurut pandangan daripada Bradshaw *et al.* (2014) telah menyatakan bahawa dalam kebanyakan kes yang melibatkan tingkah laku buli, pelaku turut tidak terlepas untuk mengalami masalah kesihatan mental sebagaimana mangsa buli.

Namun begitu, mangsa buli lebih cenderung mempunyai masalah kesihatan mental yang lebih serius. Dalam masa yang sama, mangsa buli yang mengalami masalah kesihatan mental juga lebih mudah terjejas sekiranya mereka mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah. Ini dapat dilihat menerusi ketidakmampuan mengawal emosi diri dan kurangnya empati terhadap orang lain selain kehilangan keyakinan diri yang membawa kepada masalah kesihatan mental yang membimbangkan (Rahayu & Permana, 2019; Malida *et al*., 2021; Jempru & Trihastuti, 2023; Marsela & Fitriyeni, 2024).

Gohm *et al*. (2005) menyatakan bahawa remaja yang memiliki tahap yang rendah terhadap kecerdasan emosi dapat dikaitkan dengan tahap kesihatan mental yang lemah. Kecerdasan emosi merujuk keupayaan seseorang untuk menyatakan, mengenali, melihat, menggunakan, dan mengurus emosinya sendiri atau emosi orang lain (Matthews *et al*., 2017). Kecerdasan emosi boleh dibahagikan kepada dua, iaitu positif dan negatif. Kecerdasan emosi yang positif ialah peramal yang kuat untuk penyesuaian psikologi yang lebih baik dan mempunyai nilai harga diri yang tinggi. Sementara itu, kecerdasan emosi yang rendah atau negatif mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemurungan, tingkah laku yang merosakkan dan mengganggu (Petrides & Furnham, 2000). Mangsa buli secara tidak langsung berkemungkinan mengalami kecerdasan emosi yang lemah dalam diri mereka sehingga dapat dikaitkan dengan isu kesihatan mental.

Melalui kajian daripada Liu dan Dong (2016), Vallejo (2019) sertaDivecha dan Brackett (2020), telah dibuktikan bahawa keupayaan pengawalan emosi remaja memberikan kesan yang ketara terhadap tingkah laku buli. Malah, berdasarkan pandangan yang selaras daripada Lomas *et al*. (2012), Baroncelli dan Ciucci (2014) serta Schokman *et al*. (2014) mendapati bahawa mangsa buli dicirikan mempunyai tahap pengawalan emosi yang lemah. Walau bagaimanapun, gangguan emosi dalam mangsa buli boleh berkembang menjadi masalah yang lebih serius seperti penyakit mental jika tidak berjaya ditangani (Zauszniewski dan Bekhet, 2012; Riskesdas, 2013). Dalam masa yang sama, masalah mental juga berkaitan dengan gaya keibubapaan yang diamalkan oleh golongan ibu bapa atau penjaga.

Gaya keibubapaan turut mempengaruhi perkembangan masalah tingkah laku dalam kalangan remaja. Berkenaan kesan tingkah laku ibu bapa terhadap penyesuaian psikososial anak-anak, banyak kajian mengaitkan konflik keluarga yang tinggi dan penolakan terhadap kanak-kanak kepada peningkatan risiko kanak-kanak mengalami pelbagai masalah emosi dan tingkah laku buli (Sánchez-Sosa *et al*., 2010, Martínez-Ferrer *et al*., 2018; Hou *et al*., 2020; Huang *et al*., 2022). Sementara itu, dari segi masalah yang melibatkan emosi ini turut dikaitkan dalam kes yang paling ekstrem dengan percubaan membunuh diri (Sánchez-Sosa *et al*., 2010; Schlagbaum *et al*., 2021; Yang *et al*., 2022). Gaya keibubapaan juga merupakan salah satu penentu penting bagi kesihatan mental remaja (Rezvan & D'souza, 2017). Menurut Arat dan Wong (2016), gaya keibubapaan dapat dikaitkan secara positif dengan kesihatan mental seperti kesepian,

UNCORRECTED PROOF

kebimbangan dan idea bunuh diri. Oleh itu, ikatan antara ibu bapa dengan anak adalah penting untuk memberikan fungsi yang berkesan dalam perkembangan sosial dan psikologi remaja (Pozzobon & Marin, 2021).

Sehubungan dengan itu, kajian yang dijalankan ini bertujuan melihat impak kecerdasan emosi dan jenis gaya keibubapaan terhadap tahap kesihatan mental dalam kalangan mangsa buli di sekolah menengah sekitar daerah Kuala Terengganu.

Sorotan Literatur

Secara global, ditunjukkan bahawa berdasarkan data yang diperoleh, satu daripada tujuh (14%) kumpulan umur remaja berusia 10 hingga 19 tahun kebanyakannya mengalami gangguan kesihatan mental. Bahkan, sebahagian besar daripadanya ialah kesan daripada tahap kecerdasan emosi yang rendah dalam kalangan mangsa buli. Keadaan ini bukan sahaja memburukkan kesejahteraan psikologi remaja, malah mendorong pembuli untuk meneruskan kitaran keganasan mereka, sekali gus menyebabkan mangsa terus kekal menjadi mangsa buli (Martinez *et al*., 2019; Peña-Casares *et al*., 2021; WHO, 2021).

Walau bagaimanapun, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, tingkah laku buli telah menjadi isu bagi kesihatan mental kerana kesannya terhadap kanak kanak dan remaja sekolah telah membawa kepada tahap kesihatan mental yang serius. Sibold (2020) telah mendapati bahawa tingkah laku buli terhadap kanak-kanak mampu mengakibatkan individu mengalami masalah kesihatan yang berpanjangan. Berdasarkan statistik yang didedahkan oleh Dr. Nurashikin Ibrahim (2022), Ketua Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH), tinjauan yang dijalankan pada tahun 2022 melibatkan seramai 33,523 pelajar berusia 13 hingga 17 tahun. Sebanyak 239 buah sekolah menengah telah dipilih secara rawak untuk menyertai kajian tersebut. Tinjauan tersebut turut mendedahkan peningkatan peratusan pelajar yang mempunyai tingkah laku merancang untuk membunuh diri akibat perbuatan dan tingkah laku buli.

Selain itu, mangsa buli secara amnya cenderung untuk menunjukkan tahap kecerdasan emosi yang rendah (Estévez *et al*., 2019a; Cañas *et al*., 2020). Menurut Bonet *et al*. (2019), 42.6% remaja dalam kediaman penjagaan mempunyai tahap risiko bunuh diri yang tinggi yang berkaitan dengan kesukaran emosi yang dilaporkan. Berdasarkan hasil dapatan kajian lepas, ditunjukkan bahawa kecerdasan emosi yang rendah dapat meningkatkan isu kesihatan mental seperti kemurungan dan stres dalam hubungan sosial (Ruiz-Arand *et al*., 2012).

Tambahan pula, terdapat laporan lain daripada Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim yang merupakan Pengarah Eksekutif Kumpulan, World Trade Centre Kuala Lumpur, Malaysia (WTCKL) (2016). Laporan tersebut telah mendedahkan statistik yang menunjukkan 29% daripada jumlah populasi negara mengalami masalah gangguan mental. Ini bermaksud penyakit mental merupakan penyakit kedua terbesar di Malaysia selepas sakit jantung. Beliau turut menyatakan mangsa daripada cemuhan fizikal akan mengalami tekanan perasaan yang membawa kepada penyakit mental, sehingga ada segelintir mangsa yang terdorong untuk membunuh diri. Oleh yang demikian, ibu bapa perlu memainkan peranan penting untuk memantau tahap kesihatan mental anak-anak mereka yang menjadi mangsa buli.

Carroll (2021) menyatakan bahawa perkembangan anak-anak telah diiktiraf sejak sekian lama, selaras dengan kewujudan prinsip asas yang membezakan pendekatan

UNCORRECTED PROOF

gaya keibubapaan seperti autoritatif, autoritarian, dan permisif. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa gaya keibubapaan juga merupakan salah satu penentu bagi kesihatan mental seseorang remaja (Rezvan & D'souza, 2017). Teori gaya keibubapaan yang diperkenalkan oleh Baumrind (1966) merupakan asas penting dalam usaha memahami interaksi ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Model ini mengklasifikasikan tiga gaya utama, iaitu autoritatif, autoritarian, dan permisif. Model ini juga dapat dibezakan melalui dua dimensi utama: Responsif (kehangatan, sokongan emosi) dan menuntut (kawalan, peraturan) (Baumrind, 1966; Smetana, 2017).

Gorostiaga *et al*. (2019) memberikan pandangan bahawa kemesraan ibu bapa dapat melindungi remaja daripada mengalami kemurungan manakala ibu bapa yang bersikap mengawal anak-anak mereka dengan ketat dapat meningkatkan risiko kebimbangan, kemurungan, dan membunuh diri. Oleh yang demikian, Azizi Yahaya (2017) menyatakan ibu bapa seharusnya tidak terlalu terikat kepada satu-satunya gaya asuhan sahaja. Sebaliknya, mereka perlu mengamalkan pelbagai gaya mengikut situasi untuk mendisiplinkan anak-anak.

Berdasarkan kajian lepas yang dibincangkan, terdapat banyak bukti yang menunjukkan kesan tingkah laku dan gaya keibubapaan yang memberikan kesan terhadap tahap kesihatan mental. Umum mengetahui bahawa isu berkaitan dengan buli dan kesihatan mental dalam kalangan pelajar merupakan isu hangat yang sering dibicarakan oleh masyarakat dan akhbar serta media massa pada masa ini. Kajian yang dijalankan oleh Musu-Gillete *et al*. (2017) berhubungan dengan insiden buli dalam kalangan pelajar di Malaysia yang berumur 13 tahun hingga 14 tahun. Hasil kajian menunjukkan bahawa Malaysia berada di tangga ketujuh daripada 53 buah negara. Ini menunjukkan remaja berusia 13 tahun hingga 14 tahun lebih cenderung untuk terlibat dengan tingkah laku buli.

Dalam pada itu, belakangan ini menunjukkan kejadian buli yang semakin meningkat dalam kalangan pelajar sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana laporan daripada data Sistem Sahsiah Diri Murid telah menunjukkan peningkatan secara mendadak melibatkan jumlah kes buli dari tahun 2021 sehingga 2023. Hal ini membuatkan ramai pihak mula bimbang akan perkara demikian kerana remaja merupakan aset penting negara. Tambahan pula, melalui statistik yang didedahkan oleh Dr. Nurashikin Ibrahim (NCEMH,2022), dilaporkan bahawa tinjauan kesihatan remaja (AHS) oleh Institut Kesihatan Umum Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terhadap 33,523 pelajar berusia 13 hingga 17 tahun pada tahun lalu turut mendedahkan peningkatan peratusan mereka yang mempunyai tingkah laku merancang untuk membunuh diri akibat perbuatan tingkah laku buli. Ini merupakan data daripada sebanyak 239 buah sekolah menengah yang dipilih secara rawak. Dengan demikian, kajian ini dijalankan untuk melihat pengaruh peranan gaya keibubapaan dan kecerdasan emosi terhadap tahap kesihatan mental mangsa buli di sekolah menengah sekitar daerah Kuala Terengganu.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif dan inferensi yang melibatkan kajian lapangan dalam persekitaran semula jadi dan situasi yang realistik. Kaedah kuantitatif digunakan untuk menganalisis data, yakni penyelidik akan memanipulasikan pemboleh ubah bebas, iaitu kecerdasan emosi

UNCORRECTED PROOF

dan gaya keibubapaan, untuk melihat pengaruhnya terhadap pemboleh ubah bersandar (tahap kesihatan mental mangsa buli).

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar yang merupakan mangsa buli di sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu. Sampel kajian dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan (purposive sampling) dan teknik *snowball*. Ini melibatkan pemilihan 200 responden berumur antara 13 hingga 14 tahun yang memenuhi kriteria sebagai mangsa buli melalui bantuan maklumat yang diperoleh daripada rekod guru kaunseling sekolah.

Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di empat buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Kuala Terengganu. Sekolah-sekolah tersebut dipilih kerana memenuhi kriteria kajian, iaitu terdiri daripada pelajar mangsa buli dalam lingkungan umur 13 hingga 14 tahun. Hal ini penting kerana beberapa sekolah yang dipilih oleh penyelidik berkenaan pernah terlibat dengan kes buli yang serius dalam lingkungan pelajar umur berkenaan.

Pengumpulan Data

Penyelidik pergi ke beberapa sekolah di daerah Kuala Terengganu dengan meminta kerjasama daripada pihak sekolah dan kaunselor untuk mendapatkan pelajar yang merupakan mangsa buli yang sebenar bagi menjawab soal selidik yang diberikan kepada mereka. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian dengan diberikan masa selama 30 minit untuk dijawab oleh responden. Terdapat empat bahagian dalam setiap set soal selidik dalam talian, iaitu: Bahagian A (data sosiodemografi), Bahagian B (kecerdasan emosi), Bahagian C (gaya keibubapaan), dan Bahagian D (tahap kesihatan mental mangsa buli).

Bahagian A (Data Sosiodemografi)

Bahagian A memberikan tumpuan kepada maklumat peribadi pelajar seperti jantina, umur, bangsa, dan nama sekolah. Namun begitu, nama sekolah adalah sulit dan penyelidik hanya melabelkan keempat-empat sekolah tersebut sebagai Sekolah A, Sekolah B, Sekolah C, dan Sekolah D.

Bahagian B (Kecerdasan Emosi)

Bahagian B ini mengukur kecerdasan emosi bagi pelajar mangsa buli, iaitu penyelidik telah mengambil instrumen yang sama yakni *Schutte Self Report Emotional Intelligence Test* (Schutte *et al*., 1998), daripada Ayman (2019) yang mempunyai kebolehpercayaan sebanyak 0.89. Di samping itu, pengukuran yang digunakan adalah sama untuk mengukur kecerdasan emosi bagi mangsa buli. Setiap item yang diambil diubah suai mengikut kehendak kajian yang dijalankan yakni terjemahan instrumen dilakukan melalui kaedah *back-to-back translation* melalui pakar-pakar yang mahir dalam penggunaan instrumen tersebut. Namun begitu, penyelidik menggunakan soal selidik yang diadaptasikan daripada kajian Baharuddin (2010). Sebanyak 33 item yang disediakan dalam bahagian ini yang melibatkan tiga item negatif dan 30 item positif. Responden akan diberikan pilihan jawapan mengikut skala Likert bagi menjawab setiap item yang diberikan.

Bahagian C (Gaya Keibubapaan)

Dalam bahagian ini, penyelidik telah mengambil instrumen yang sama daripada Najjari (2023), iaitu PAQ yang digunakan

UNCORRECTED PROOF

untuk mengumpul data persepsi anak-anak tentang gaya keibubapaan mereka atau tingkah laku ibu bapa mereka. Sebanyak 30 item yang disediakan untuk mengenal pasti jenis gaya keibubapaan yang paling dominan diamalkan oleh ibu bapa semasa mendidik anak-anak yang dinilai dari perspektif pelajar itu sendiri. Penskoran bagi lima mata seperti "Sangat Tidak Setuju", "Tidak Setuju", "Tidak Pasti", "Setuju", dan "Sangat Setuju" telah digunakan yang untuk mengukur jawapan yang diberikan pelajar mangsa buli dalam mengenal pasti jenis gaya keibubapaan yang diamalkan ibu bapa mereka.

Bahagian D (Tahap Kesihatan Mental Mangsa Buli)

Dalam bahagian ini, instrumen yang diedarkan ialah item yang berkaitan dengan tahap kesihatan mental dalam kalangan pelajar mangsa buli. Penyelidik telah mengambil instrumen yang sama, iaitu GHQ-12 daripada Noret *et al*. (2020) yang mempunyai nilai kebolehpercayaan 0.91 serta penggunaan instrumen yang sama untuk mengukur tahap kesihatan mental mangsa buli. Namun begitu, penyelidik menggunakan soal selidik yang diadaptasi daripada kajian Muhamad Saiful *et al*. (2009). Jumlah item dalam Bahagian D ini keseluruhannya sebanyak 12 item. Selain itu, tahap tekanan psikologikal ditentukan berdasarkan skor pencapaian keseluruhan bagi 12 item GHQ-12 mengikut kiraan 0-0-1-1 bagi pengiraan empat skala Likert. Oleh itu, untuk menjawab setiap item dalam Bahagian D ini, responden perlu memilih jawapan berdasarkan skala empat mata, iaitu "Sangat Tidak Setuju", "Agak Tidak Setuju", "Agak Setuju", dan "Sangat Setuju".

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Data yang diperoleh akan dikumpul dan diproses dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26.0. Berdasarkan tujuan kajian, setiap data yang diperoleh akan dianalisis dengan menggunakan kaedah yang tertentu. Untuk mengukur kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai terhadap pemboleh ubah yang terlibat, maka penyelidik akan menggunakan analisis deskriptif. Namun demikian, untuk melihat perhubungan yang mungkin wujud antara pemboleh ubah, penyelidik akan menganalisis data secara inferensi dengan menggunakan analisis korelasi Pearson.

UNCORRECTED PROOF

Jadual 1: Ringkasan ciri demografi responden (N = 200)

Demografi	Frekuensi (N)	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	88	44.0
Perempuan	112	56.0
Umur		
13 tahun	89	44.5
14 tahun	111	55.5
Bangsa		
Melayu	196	98
Cina	4	2
India	0	0
Lain-lain	0	0
Sekolah		
Sekolah A	60	30.0
Sekolah B	51	25.5
Sekolah C	47	23.5
Sekolah D	42	21

Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi bagi taburan kekerapan mengikut aspek jantina, umur, bangsa dan sekolah. Hasil dapatan ini telah menunjukkan bahawa responden lelaki adalah sebanyak 88 orang, iaitu 44% berbanding dengan responden perempuan sebanyak 112 orang, iaitu 56%. Seterusnya, berdasarkan umur dalam kajian ini, telah didapati bahawa majoriti responden berumur dalam lingkungan 14 tahun yang mencatatkan bilangan sebanyak 111 orang bersamaan dengan 55.5%. Sementara itu, responden yang berumur dalam lingkungan 13 tahun adalah sebanyak 89 orang bersamaan dengan 44.5%. Hasil dapatan dari segi bangsa pula telah menunjukkan majoriti responden adalah dalam kalangan bangsa Melayu, iaitu mencatatkan sebanyak 196 orang bersamaan dengan 98.0% manakala responden bangsa Cina mencatatkan sebanyak empat orang bersamaan dengan 2% diikuti bangsa India dan lain-lain mempunyai jumlah yang sama, iaitu sifar responden bagi kedua-dua berkenaan.

Seterusnya ialah taburan kekerapan berdasarkan sekolah. Responden bagi Sekolah A telah mencatatkan responden yang paling tinggi, iaitu sebanyak 60 orang bersamaan dengan 30.0%. Ini diikuti dengan Sekolah B yang direkodkan mempunyai responden kedua tertinggi sebanyak 51 orang bersamaan dengan 25.5%. Sekolah C telah mencatatkan sebanyak 47 orang bersamaan dengan 23.5%. Sekolah dengan paling sedikit responden ialah Sekolah D yang mencatatkan sebanyak 42 orang bersamaan dengan 21.0%.

Tahap Kecerdasan Emosi (Persepsi Emosi, Mengurus Emosi Sendiri, Mengurus Emosi Orang Lain dan Menggunakan Emosi) yang Paling Dominan dalam Kalangan Mangsa Buli di Sekolah Menengah Sekitar Daerah Kuala Terengganu

UNCORRECTED PROOF

Jadual 2: Min keseluruhan bagi domain kecerdasan emosi (N = 200)

Domain	Min Keseluruhan	Sisihan Piawai Keseluruhan
Persepsi emosi	2.69	1.29
Mengurus emosi sendiri	3.20	1.17
Mengurus emosi orang lain	3.28	0.99
Menggunakan emosi	3.70	1.09
Min Keseluruhan EQ	**3.22**	**1.14**

Berdasarkan Jadual 2, secara keseluruhannya, perbandingan min keseluruhan bagi domain kecerdasan emosi menunjukkan bahawa domain menggunakan emosi merupakan domain yang paling dominan dalam kalangan pelajar mangsa buli berbanding dengan domain kecerdasan emosi yang lain, dengan nilai min sebanyak 3.70. Seterusnya, ini diikuti oleh domain mengurus emosi orang lain (3.28), domain mengurus emosi sendiri (3.20), dan yang terakhir domain persepsi emosi (2.69).

Melalui maklumat tersebut, kesimpulan keseluruhan yang dapat dibuat ialah tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar mangsa buli majoritinya berada pada tahap yang sederhana, iaitu 64.4% atau nilai min keseluruhan kecerdasan emosi adalah 3.22. Begitu juga dengan tahap kesihatan mental mereka yang juga berada pada tahap yang sama.

Gaya Keibubapaan (Autoritatif, Autoritarian, dan Permisif) yang Paling Dominan dalam Kalangan Mangsa Buli di Sekolah Menengah Sekitar Daerah Kuala Terengganu

Jadual 3: Min keseluruhan bagi gaya keibubapaan (N = 200)

Jenis Gaya Keibubapaan	Min Keseluruhan	Sisihan Piawai Keseluruhan
Autoritatif	1.98	0.76
Autoritarian	1.62	0.65
Permisif	2.47	0.66

Berdasarkan Jadual 3, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya keibubapaan jenis permisif merupakan gaya keibubapaan yang paling dominan diamalkan oleh ibu bapa dalam kalangan pelajar mangsa buli di sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu. Walaupun gaya keibubapaan jenis permisif paling dominan, tetapi tahap kesihatan mental dalam kalangan pelajar mangsa buli adalah sederhana dan negatif.

Melalui kajian Patterson *et al*. (1982), dinyatakan bahawa apabila ibu bapa tidak menyediakan bimbingan yang jelas atau menyekat tingkah laku yang tidak sesuai, anak-anak berasa kurang dilindungi dan lebih mudah dieksploitasi oleh rakan sebaya. Situasi ini akan menyebabkan mereka tidak mempunyai kemahiran sosial yang mencukupi untuk menghadapi situasi sosial yang mencabar atau untuk mempertahankan diri mereka dalam situasi buli.

Hubungan antara Tahap Kecerdasan Emosi dengan Mangsa Buli di Daerah Kuala Terengganu

UNCORRECTED PROOF

Jadual 4: Analisis hubungan korelasi antara kecerdasan emosi dengan tahap kesihatan mental dalam kalangan mangsa buli di sekolah menengah sekitar daerah Kuala Terengganu

		Kecerdasan Emosi	**Tahap Kesihatan Mental**
Kecerdasan emosi	Korelasi Pearson (r)	1	0.565**
	Signifikan (2 tailed)	< .001	
	N	200	200

Jadual 4 menunjukkan hasil analisis hubungan korelasi antara kecerdasan emosi dengan tahap kesihatan mental mangsa buli dengan nilai korelasi Pearson, r = 0.565. Ini menunjukkan perhubungan antara kecerdasan emosi pelajar dengan tahap kesihatan mental mereka adalah sederhana. Korelasi koefisien yang bernilai positif bermaksud hubungan antara kecerdasan emosi pelajar dengan tahap kesihatan mental mereka adalah berkadar terus. Sementara itu, nilai p = < .001 (2-tailed). Maka, hipotesis alternatif diterima kerana dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan tahap kesihatan mental dalam kalangan mangsa buli di sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu.

Hubungan antara Gaya Keibubapaan Autoritatif dengan Tahap Kesihatan Mental Mangsa Buli di Sekolah Menengah Sekitar Daerah Kuala Terengganu

Jadual 5: Analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan autoritatif dengan tahap kesihatan mental mangsa buli di sekolah menengah sekitar daerah Kuala Terengganu

		Gaya Keibubapaan Autoritatif	**Tahap Kesihatan Mental**
Gaya keibubapaan autoritatif	Korelasi Pearson (r)	1	-.626**
	Signifikan (2 tailed)	< .001	
	N	200	200

Hasil analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan autoritatif dengan tahap kesihatan mental mangsa buli di sekolah menengah sekitar daerah Kuala Terengganu mendapati nilai Korelasi Pearson, r = -0.626. Ini menunjukkan perhubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan tahap kesihatan mental mangsa buli di sekolah menengah sekitar daerah Kuala Terengganu adalah sederhana. Korelasi koefisien yang bernilai negatif bermaksud hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan tahap kesihatan mental mangsa buli adalah berkadar songsang. Sementara nilai p = .001 < α 0.05, justeru hipotesis alternatif diterima, yakni dapatan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan tahap kesihatan mental.

Hubungan antara Gaya Keibubapaan Autoritarian dengan Tahap Kesihatan Mental Mangsa Buli di Sekolah Menengah Sekitar Daerah Kuala Terengganu

UNCORRECTED PROOF

Jadual 6: Analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan autoritarian dengan tahap kesihatan mental mangsa buli di sekolah menengah sekitar daerah Kuala Terengganu

		Gaya Keibubapaan Autoritarian	**Tahap Kesihatan Mental**
Gaya keibubapaan autoritarian	Korelasi Pearson, r	1	.701**
	Signifikan (2 tailed)	< .001	
	N	200	200

Hasil analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan autoritarian dengan tahap kesihatan mental mangsa buli di sekolah menengah daerah Kuala Terengganu menunjukkan nilai Korelasi Pearson, r = 0.701. Ini menunjukkan perhubungan antara gaya keibubapaan autoritarian dengan tahap kesihatan mental mangsa buli adalah tinggi. Korelasi koefisien yang bernilai positif bermaksud hubungan antara gaya keibubapaan dengan tahap kesihatan mental mangsa buli di sekolah menengah daerah Kuala Terengganu adalah berkadar terus. Sementara itu, nilai p = <.001 α 0.05, justeru hipotesis alternatif diterima apabila dapatan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritarian dengan tahap kesihatan mental mangsa buli di sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu.

Hubungan antara Gaya Keibubapaan Permisif dengan Tahap Kesihatan Mental Mangsa Buli di Sekolah Menengah Sekitar Daerah Kuala Terengganu

Jadual 7: Analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan permisif dengan tahap kesihatan mental mangsa buli di sekolah menengah daerah Kuala Terengganu

		Gaya Keibubapaan Permisif	**Tahap Kesihatan Mental**
Gaya keibubapaan permisif	Korelasi Pearson (r)	1	-0.614**
	Signifikan (2 tailed)	< .001	
	N	200	200

Hasil analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan permisif dengan tahap kesihatan mental mangsa buli di sekolah menengah sekitar daerah Kuala Terengganu mendapati nilai Korelasi Pearson, r = -0.614. Ini menunjukkan perhubungan antara gaya keibubapaan permisif dengan tahap kesihatan mental mangsa buli di sekolah menengah daerah Kuala Terengganu adalah sederhana dan negatif. Korelasi koefisien yang bernilai negatif bermaksud hubungan antara gaya keibubapaan permisif dengan tahap kesihatan mental mangsa buli di sekolah menengah daerah Kuala Terengganu adalah berkadar songsang. Sementara nilai p = < 0.01 α 0.05, justeru hipotesis alternatif diterima apabila dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan permisif dengan tahap kesihatan mental mangsa buli di sekolah menengah sekitar daerah Kuala Terengganu.

Perbincangan

Hasil Kajian Mengenai Tahap Kecerdasan Emosi yang Paling Dominan dalam Kalangan Mangsa Buli di Sekolah Menengah di Daerah Kuala Terengganu

UNCORRECTED PROOF

Secara keseluruhannya, berdasarkan perbandingan min keseluruhan domain bagi kecerdasan emosi, ditunjukkan bahawa domain menggunakan emosi adalah yang paling dominan dalam kalangan pelajar mangsa buli berbanding dengan domain-domain lain, yakni domain kecerdasan emosi ialah 3.70. Seterusnya, ini diikuti oleh domain mengurus emosi orang lain (3.28), domain mengurus emosi sendiri (3.20), dan yang terakhir domain persepsi emosi (2.69). Berdasarkan maklumat tersebut, kesimpulan keseluruhan yang dapat dibuat ialah tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar mangsa buli majoritinya berada pada tahap yang sederhana, iaitu 64.4% atau nilai min keseluruhan kecerdasan emosi ialah 3.22. Begitu juga dengan tahap kesihatan mental mereka yang berada pada tahap yang sama.

Dapatan ini sejajar dengan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa mangsa buli cenderung mempunyai keprihatinan emosi yang tinggi tetapi kurang dalam aspek kefahaman emosi. Sebaliknya, pembuli lazimnya berhadapan dengan cabaran untuk mengawal emosi mereka secara berkesan (Yosep *et al*., 2023). Kepekaan terhadap persekitaran yang melibatkan emosi dalam kalangan mangsa buli adalah tinggi, sebagaimana dibuktikan melalui dominasi domain menggunakan emosi. Ini menunjukkan bahawa mereka mudah terkesan oleh rangsangan emosi dari luar. Namun begitu, kekurangan dari aspek persepsi dan kefahaman emosi mampu menyukarkan mereka untuk mentafsir serta mengurus pengalaman emosi tersebut secara berkesan. Situasi ini menjadikan mereka lebih mudah terdedah kepada tekanan psikologi, kebimbangan, dan ketidakstabilan emosi.

Penemuan ini turut disokong oleh kajian Saira *et al*. (2023) yang melibatkan pelajar gred 9 di sekolah menengah sektor awam di Tehsil Gujrat yang mendapati bahawa tahap tingkah laku buli dalam kalangan pelajar adalah rendah secara keseluruhan. Namun begitu, sebahagian besar pelajar berada pada tahap kecerdasan emosi yang sederhana. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap tingkah laku buli berdasarkan kecerdasan emosi, yang menunjukkan bahawa pelajar yang memiliki kecerdasan emosi yang lebih rendah berisiko lebih tinggi menjadi mangsa buli atau mengalami kesan negatif akibat buli.

Oleh sebab itu, secara kesimpulannya, pelajar dalam kalangan mangsa buli mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah atau sederhana bergantung pada sama ada menjadi mangsa buli mahupun tidak. Hal ini dikatakan demikian kerana individu yang memiliki tahap kecerdasan emosi yang lemah akan sukar untuk mengawal emosi mereka dengan baik terutamanya dalam situasi yang tegang seperti menjadi mangsa buli, penderaan, dan sebagainya.

Hasil Kajian Mengenai Jenis Gaya Keibubapaan (Autoritatif, Autoritarian, dan Permisif) yang Paling Dominan dalam Kalangan Mangsa Buli di Sekolah Menengah Daerah Kuala Terengganu

Secara keseluruhannya, berdasarkan perbandingan min keseluruhan jenis gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa responden, ditunjukkan bahawa gaya keibubapaan permisif adalah yang paling dominan berbanding dengan gaya keibubapaan yang lain, iaitu 2.47. Seterusnya, ini diikuti oleh gaya keibubapaan autoritatif (1.98) dan yang terakhir gaya keibubapaan autoritarian (1.62). Berdasarkan hasil dapatan kajian, ditunjukkan bahawa gaya keibubapaan jenis permisif ialah gaya keibubapaan yang paling dominan diamalkan oleh ibu bapa dalam kalangan pelajar mangsa

UNCORRECTED PROOF

buli di sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu. Walaupun gaya keibubapaan jenis permisif paling dominan, tetapi tahap kesihatan mental dalam kalangan pelajar mangsa buli adalah sederhana dan negatif.

Namun begitu, hasil kajian lepas bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh He *et al*. (2023) yang mendapati bahawa gaya keibubapaan selain gaya keibubapaan yang tidak peduli (neglectful) seperti gaya keibubapaan autoritarian, permisif atau autoritatif turut berpotensi menyumbang kepada kecenderungan anak-anak terlibat dalam tingkah laku membuli. Kajian oleh Polderman *et al*. (2019) turut menyokong dapatan ini, apabila mereka mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan permisif dengan peningkatan perbuatan membuli. Oleh sebab itu, walaupun kajian ini menunjukkan bahawa gaya permisif lebih dominan dalam kalangan ibu bapa pelajar yang menjadi mangsa buli, namun sebaliknya kajian lepas pula menyatakan bahawa gaya ini lebih berkaitan dengan pelaku buli. Perbezaan ini menunjukkan bahawa peranan gaya keibubapaan dalam membentuk kecenderungan anak sama ada menjadi mangsa atau pembuli mungkin bergantung pada faktor-faktor lain yang mempengaruhi konteks sosial dan emosi pelajar.

Secara keseluruhannya, berdasarkan keputusan analisis ini, dapat disimpulkan bahawa jenis gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa mangsa buli, iaitu permisif tidak semestinya mempengaruhi mereka sebagai pemangsa, malah boleh menyumbang kepada tingkah laku pelaku. Penilaian jenis gaya keibubapaan sudah tidak boleh diterima lagi berdasarkan hasil dapatan kajian-kajian selepas ini.

Hasil Kajian Mengenai Hubungan antara Tahap Kecerdasan Emosi dengan Mangsa Buli di Sekolah Menengah Daerah Kuala Terengganu

Daripada analisis terhadap tahap kecerdasan emosi dan hubungannya dengan tahap kesihatan mental dalam kalangan mangsa buli, ditunjukkan indeks korelasi yang positif, yakni hubungan antara tahap kecerdasan emosi dengan tahap kesihatan mental dalam kalangan mangsa buli adalah berkadar secara terus. Data menunjukkan kedudukan ini di bawah aras keertian 0.05 yang dipilih dan nilai korelasi r = 0.565 yang diperoleh adalah antara 0.00 hingga 0.70. Mengikut garis panduan Guilford (1956), nilai pekali korelasi 0.00 hingga 0.70 menunjukkan perkaitan antara dua pemboleh ubah tersebut adalah sederhana. Sementara itu, nilai signifikan p adalah lebih kecil daripada 0.05, iaitu .001. Situasi ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kecerdasan emosi dengan tahap kesihatan mental dalam kalangan mangsa buli.

Secara keseluruhannya, berdasarkan keputusan analisis ini, dapat disimpulkan bahawa majoriti mangsa buli yang mempunyai tahap kesihatan mental yang sederhana juga mempunyai tahap kecerdasan emosi yang sederhana. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini justeru adalah sama dengan kajian oleh Yosep *et al*. (2024) yang jelas menunjukkan hubungan negatif antara kecerdasan emosi dan tingkah laku buli tradisional serta siber. Ini sekali gus menekankan kepentingan faktor psikologi terhadap tingkah laku buli dalam kalangan remaja. Tahap kecerdasan emosi yang berbeza antara pelaku buli dengan mangsa menunjukkan dinamik psikologi yang kompleks yang mendasari tingkah laku ini (Trigueros *et al*., 2020). Tambahan lagi, pelaku buli menunjukkan kemampuan

UNCORRECTED PROOF

pengawalan emosi yang lebih rendah berbanding dengan mangsa buli (Ramano *et al*., 2020).

Hasil Kajian Mengenai Hubungan antara Jenis Gaya Keibubapaan dengan Tahap Kesihatan Mental dalam Kalangan Mangsa Buli di Sekolah Menengah Daerah Kuala Terengganu

Daripada analisis terhadap jenis gaya keibubapaan yang diamalkan ibu bapa mangsa buli dan hubungannya dengan tahap kesihatan mangsa buli, gaya keibubapaan autoritatif menunjukkan indeks korelasi yang negatif. Hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan tahap kesihatan mangsa buli adalah berkadar songsang. Ini ditunjukkan oleh data yang berada di bawah aras keertian 0.05 yang dipilih dan nilai korelasi r = -0.626 yang diperoleh adalah antara 0.40 hingga 0.70. Mengikut garis panduan Guilford (1956), nilai pekali korelasi 0.40 hingga 0.70 menunjukkan perkaitan antara dua pemboleh ubah tersebut adalah sederhana. Nilai signifikan p adalah lebih kecil daripada 0.05, iaitu .001. Situasi ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan tahap kesihatan mangsa buli.

Terdapat beberapa kajian terdahulu yang turut menyokong pendapat bahawa gaya keibubapaan autoritatif tidak semestinya membawa kesan positif secara konsisten dalam semua konteks. Dapatan ini dilihat agak berbeza daripada tanggapan umum terhadap gaya keibubapaan autoritatif yang sering dianggap seimbang dan menyokong. Sebagai contohnya, satu kajian Liu *et al*. (2024) di kawasan luar bandar China mendapati bahawa, walaupun gaya keibubapaan autoritatif berpotensi mengurangkan risiko masalah mental, namun kesannya masih bergantung pada faktor luaran seperti sokongan sosial dan persekitaran sekolah. Selain itu, kajian daripada Zhang dan Chu (2023) menunjukkan bahawa individu yang mengalami tekanan psikososial yang tinggi berpunca daripada asuhan gaya keibubapaan yang terlalu berstruktur meskipun bersifat penyayang. Walau bagaimanapun, gaya keibubapaan demikian masih tidak mencukupi untuk menangani kesan jangka panjang mengenai isu buli yang melibatkan masalah kesihatan mental yang dihadapi oleh mangsa buli.

Maka, dapatan ini mencadangkan bahawa kesesuaian gaya keibubapaan autoritatif harus dinilai semula mengikut konteks pengalaman hidup anak, terutamanya bagi mereka yang pernah menjadi mangsa buli. Intervensi sokongan tambahan mungkin diperlukan untuk mengimbangi kesan psikologi yang tidak dapat ditampung sepenuhnya oleh gaya keibubapaan semata-mata.

Bagi gaya keibubapaan authoritarian pula, ditunjukkan indeks korelasi yang positif, yakni hubungan antara gaya keibubapaan autoritarian dengan tahap kesihatan mental mangsa buli adalah berkadar secara langsung. Data menunjukkan kedudukan indeks yang berada di bawah aras keertian 0.05 yang dipilih dan nilai korelasi r = 0.701 yang diperoleh adalah antara 0.00 hingga 0.80. Mengikut garis panduan Guilford (1956), nilai pekali korelasi 0.00 hingga 0.80 menunjukkan perkaitan antara dua pemboleh ubah tersebut adalah tinggi. Nilai signifikan p adalah lebih kecil daripada 0.05, iaitu .001. Situasi ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritarian dengan tahap kesihatan mental mangsa buli.

Walau bagaimanapun, hasil ini dilihat mempunyai persamaan dengan beberapa kajian lepas yang mengaitkan gaya

UNCORRECTED PROOF

keibubapaan autoritarian dengan kesan negatif terhadap kesejahteraan mental remaja. Sebagai contohnya, Nunes *et al*. (2023) menyatakan bahawa gaya keibubapaan autoritarian, terutamanya apabila diamalkan secara ketat oleh ibu, dikaitkan dengan peningkatan risiko pemikiran bunuh diri. Begitu juga, Makwana *et al*. (2023) melaporkan bahawa gaya pengasuhan autoritarian oleh bapa berkait rapat dengan masalah kesihatan mental dalam kalangan anak-anak. Menurut Jinan *et al*. (2022) serta Zhang dan Wang (2022), mereka turut berpendapat bahawa gaya keibubapaan autoritarian dan sikap sambil lewa yang diamalkan oleh ibu bapa, didapati mempunyai kaitan yang signifikan dengan peningkatan masalah tingkah laku serta penurunan tahap harga diri dalam kalangan anak-anak.

Oleh sebab itu, Zhukova *et al*. (2023) mencadangkan bahawa gaya keibubapaan yang menunjukkan lebih kasih sayang dan kurang permintaan (iaitu selain gaya keibubapaan autoritarian) cenderung menghasilkan anak-anak yang mempunyai tahap kesihatan mental yang lebih baik. Maka, kajian lanjut diperlukan untuk meneroka faktor-faktor yang mungkin menjelaskan hubungan positif yang diperoleh dalam kajian ini.

Sementara itu, bagi gaya keibubapaan permisif pula menunjukkan indeks korelasi yang negatif, iaitu hubungan antara gaya keibubapaan permisif dengan tahap kesihatan mental mangsa buli adalah berkadar secara songsang. Ini ditunjukkan oleh data yang berada di bawah aras keertian 0.05 yang dipilih dan nilai korelasi r = -0.614 yang diperoleh adalah antara 0.40 hingga 0.70. Mengikut garis panduan Guilford (1956), nilai pekali korelasi 0.40 hingga 0.70 menunjukkan perkaitan antara dua pemboleh ubah tersebut adalah sederhana. Nilai signifikan p adalah lebih kecil daripada 0.05, iaitu .001. Situasi ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan permisif dengan tahap kesihatan mental mangsa buli. Kajian ini disokong oleh pandangan Saleh *et al.* (2021) yang turut mengaitkan gaya keibubapaan permisif dengan tingkah laku membuli dan menjadi mangsa buli. Hal ini dikatakan demikian kerana anak-anak yang dibesarkan dalam persekitaran gaya keibubapaan permisif cenderung menghadapi kesukaran dalam mengawal diri, yang boleh membawa kepada tingkah laku impulsif dan masalah dalam pengurusan emosi (Amran Shah *et al.*, 2023; Muhliawati & Purwadi, 2023; Rademacher *et al.*, 2025).

Berdasarkan hasil dapatan kajian, ditunjukkan bahawa ketiga-tiga gaya keibubapaan mempunyai hubungan dengan tahap kesihatan mental mangsa buli. Meskipun begitu, hanya gaya keibubapaan autoritarian mempunyai hubungan dengan tahap kesihatan mental mangsa buli berada pada tahap tinggi, manakala dua daripada jenis gaya keibubapaan, iaitu autoritatif dan permisif berada pada tahap sederhana. Kajian ini dapat dikaitkan dengan pandangan daripada Gaja Lakshmi (2020) bahawa gaya keibubapaan merupakan cerminan kepada cara ibu bapa berinteraksi dan mendisiplinkan anak-anak mereka.

Secara keseluruhannya, berdasarkan keputusan analisis ini, dapat disimpulkan bahawa jenis gaya keibubapaan autoritarian yang diamalkan oleh ibu bapa mangsa buli dapat mempengaruhi tahap kesihatan mental mangsa buli. Menurut Saleh *et al*. (2021), beliau menjelaskan bahawa keibubapaan autoritarian dicirikan oleh peraturan yang ketat, tidak boleh dirunding dan disiplin yang keras, justeru menekan emosi dan perkembangan sosial anak-anak. Tambahan pula, Soimah *et al*. (2019) menyatakan bahawa gaya keibubapaan jenis ini dapat

UNCORRECTED PROOF

menyebabkan anak-anak cenderung untuk bersendirian dan menjauhi kelompok sosial, sekali gus menyukarkan interaksi sosial dan kreativiti mereka.

Kesimpulan

Daripada hasil dapatan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa antara kedua-dua pemboleh ubah bebas yang terlibat dalam kajian ini, tahap kecerdasan emosi dan ketiga-tiga gaya keibubapaan mempunyai hubungan dengan tahap kesihatan mental mangsa buli di sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu. Namun begitu, hubungan yang wujud adalah sangat lemah, manakala bagi gaya keibubapaan autoritarian adalah tinggi.

Selain itu, tahap kecerdasan emosi dalam kalangan mangsa buli adalah sederhana. Walau bagaimanapun, antara keempat-empat domain kecerdasan emosi, domain menggunakan emosi ialah domain yang paling dominan dalam kalangan pelajar berbanding dengan tiga domain yang lain. Sementara itu, bagi jenis gaya keibubapaan pula, gaya keibubapaan jenis permisif ialah gaya keibubapaan yang paling dominan dalam kalangan ibu bapa mangsa buli.

Penghargaan

Para penulis mengucapkan terima kasih kepada semua pihak sekolah dan pelajar dalam kalangan mangsa buli di daerah Kuala Terengganu yang telah mengambil bahagian dalam kajian ini.

Pernyataan Konflik Kepentingan

Para penulis bersetuju bahawa kajian ini telah dijalankan tanpa sebarang manfaat peribadi, konflik komersial atau kewangan, dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan dengan pihak pembiaya.

Rujukan

Amran Shah, A., Rathakrishnan, B., Bikar Singh, S., Kamaluddin, M., Yahaya, A., & Ab Rahman, Z. (2023). Emotional intelligence as a mediator between parenting style and antisocial behavior among youth in Malaysia. *Sustainability*, *15*(17), Article 12811. https://doi.org/10.3390/su151712811

Bang, Y. R., & Park, J. H. (2017). Psychiatric disorders and suicide attempts among adolescents victimized by school bullying. *Australasian Psychiatry*, *25*(4), 376–380. https://doi.org/10.1177/1039856217715987

Baumrind, D. (1966). Child care practices anteceding three patterns of preschool behavior. *Genetic Psychology Monographs*, *75*(1), 43–88.

Bonet, C., Palma, C., & Gimeno Santos, M. (2020). Effectiveness of emotional intelligence therapy on suicide risk among adolescents in residential care. *International Journal of Psychology and Psychological Therapy*, *20*(1), 61–74.

Cañas, E., Estévez, J. F., Estévez, E., & Aparisi, D. (2020). The role of emotional intelligence on psychological adjustment and peer victimization in a sample of Spanish adolescents. *Frontiers in Psychology*, *11*, Article 1526. https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.600972

Carroll, P. (2021). Effectiveness of positive discipline parenting program on parenting style, and child adaptive behavior. *Child Psychiatry & Human Development*, *53*(6), 1349–1358.

UNCORRECTED PROOF

https://doi.org/10.1007/s10578-021-01201-x

Chu, X., & Chen, Z. (2023). The associations between parenting and bullying among children and adolescents: A systematic review and meta-analysis. *Journal of Youth and Adolescence*, *54*(4), 928–954. https://doi.org/10.1007/s10964-024-02108-1

Daud, R. (2023, November 1). 4,994 kes buli direkodkan dari Januari hingga Oktober 2023. *Astro Awani*. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/4994-kes-buli-direkodkan-dari-januari-hingga-oktober-2023-444181

Elkady, A. A. M. (2019). The mediating role of emotional intelligence in the relationship between perceived social support and cyberbullying victimization among adolescents in Egypt. *International Journal of Psycho-Educational Sciences*, *8*(Special Issue), 6–13. https://perrjournal.com/index.php/perrjournal/article/view/166

Estévez, E., Jiménez, T., & Segura, L. (2019). Emotional intelligence and empathy in aggressors and victims of school violence. *Journal of Educational Psychology*, *111*(3), 488–496. https://doi.org/10.1037/edu0000292

Gaja Lakshmi, S. (2020). Parenting style of working and non-working mother: A comparative study. *Global Journal for Research Analysis*, *9*(10), 49–51. https://doi.org/10.36106/gjra/5306594

Goleman, D. (2007). *Emotional intelligence*. Gramedia Pustaka Utama.

Gorostiaga, A., Aliri, J., Balluerka, N., & Lameirinhas, J. (2019). Parenting styles and internalizing symptoms in adolescence: A systematic literature review. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, *16*(17), Article 3192. https://doi.org/10.3390/ijerph16173192

Haji Mohamad Zin, M. B. (2010). *Hubungan antara kecerdasan emosi (EQ) dengan minat membaca dalam kalangan pelajar* [Master's thesis, Universiti Utara Malaysia]. https://etd.uum.edu.my/4272/2/s802753_abstract.pdf

He, E., Xiaomei, X., & Zhang, W. (2023). The effect of parenting styles on adolescent bullying behaviours in China: The mechanism of interpersonal intelligence and intrapersonal intelligence. *Heliyon*, *9*(4), Article e15299. https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2023.e15299

Hou, Y., Xiao, R., Yang, X., Chen, Y., Peng, F., Zhou, S., Zeng, X., & Zhang, X. (2020). Parenting style and emotional distress among Chinese college students: A potential mediating role of the Zhongyong thinking style. *Frontiers in Psychology*, *11*, Article 1774. https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.01774

Huang, L. (2021). Bullying victimization, self-efficacy, fear of failure, and adolescents' subjective well-being in China. *Children and Youth Services Review*, *127*, Article 106093. https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2021.106084

UNCORRECTED PROOF

Jempru, M. S., & Trihastuti, M. C. W. (2023). Studi kasus kecerdasan emosional siswa korban bullying. *Psikoedukasi*, *21*(2), 123–140. https://doi.org/10.25170/psikoedukasi.v21i2.4960

Jinan, N., Vellasamy, V., Ahmad, A., Rahman, M. N. B. A., & Motevalli, S. (2022). Review of parenting styles and their impact on the adolescents' self-esteem. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, *11*(2), 1–17. https://ijarped.com/index.php/journal/article/view/1753

Lomas, J., Stough, C., Hansen, K., & Downey, L. A. (2012). Brief report: Emotional intelligence, victimisation and bullying in adolescents. *Journal of Adolescence*, *35*(1), 207–211. https://doi.org/10.1016/j.adolescence.2011.03.002

Majlis Keselamatan Negara. (2023, July 11). *Pelajar makin terdedah gejala mental*. https://www.mkn.gov.my/web/ms/2023/07/11/pelajar-makin-terdedah-gejala-mental/

Makwana, H., Vaghia, K. K., Solanki, V., Desai, V., & Maheshwari, R. (2023). Impact of parenting styles and socioeconomic status on the mental health of children. *Journal of Medication Science*, *15*, Article e43988. https://doi.org/10.7759/cureus.43988

Malida, D., Suryati, S., & Kusumasari, R. V. (2021). Hubungan kecerdasan emosional dengan perilaku bullying pada siswa kelas V SD Negeri 1 Jambidan Yogyakarta. *Jurnal Kesehatan Karya Husada*, *9*(1), 1–10. https://doi.org/10.36577/jkkh.v9i1.414

Marsela, M., & Fitriyeni. (2024). Dampak verbal bullying terhadap kepercayaan diri siswa SD Negeri 010 Bukit Kauman Kecamatan Kuantan Mudik. *Jurnal Penelitian Ilmu Pendidikan Indonesia*, *3*(2), 223–230. https://jpion.org/jpion.org/index.php/jpi/article/view/260/175

Martínez-Ferrer, B., Romero-Abrio, A., Moreno Ruiz, D., & Musitu Ochoa, G. (2018). Child-to-parent violence and parenting styles: Its relations to problematic use of social networking sites, alexithymia, and attitude towards institutional authority in adolescence. *Journal of Psychosocial Intervention*, *27*(3), 163–171. https://doi.org/10.5093/pi2018a24

Martínez-Monteagudo, M. C., Delgado, B., Inglés, C. J., & García-Fernández, J. M. (2019). Cyberbullying in the university setting: Relationship with family environment and emotional intelligence. *Computers in Human Behavior*, *91*, 220–225. https://doi.org/10.1016/j.chb.2018.10.002

Matthews, G., Zeidner, M., & Roberts, R. (2017). Emotional intelligence, health, and stress. In Cooper, C. L., & Quick, J. C. (Eds.), *The handbook of stress and health: A guide to research and practice* (pp. 312–326). Wiley Blackwell. https://doi.org/10.1002/9781118993811.ch18

Muhamad, S., Ahmad Faud, M., & Mohd Jamil, M. (2009). The sensitivity, specificity, and reliability of the

UNCORRECTED PROOF

Malay version 12-items general health questionnaire (GHQ-12) in detecting distressed medical students. *ASEAN Journal of Psychiatry*, *11*(1), 36–43.

Muhliawati, Y., & Purwadi, P. (2023). The effect of permissive parenting style and peer pressure on disruptive behavior: An explanatory study. *ProGCouns: Journal of Professionals in Guidance and Counseling*, *4*(1), 29–41. https://doi.org/10.21831/progcouns.v4i1.59914

Murshid, N. S. (2017). Bullying victimization and mental health outcomes of adolescents in Myanmar, Pakistan, and Sri Lanka. *Children and Youth Services Review*, *76*, 163–169. https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2017.03.003

Musu-Gillette, L., Zhang, A., Wang, K., Zhang, J., Kemp, J., Diliberti, M., & Oudekerk, B. A. (2018). *Indicators of school crime and safety: 2017* (Report No. NCES 2018-036/NCJ 251413). U.S. Department of Education, National Center for Education Statistics & U.S. Department of Justice, Bureau of Justice Statistics.

Najjari, E., Ashouri, A., Zahedi, K., & Gharree, B. (2023). The mediating role of parenting styles in the relationship between family adaptability and cohesion and cyberbullying in adolescents. *International Journal of High Risk Behaviors and Addiction*, *12*(3), e131177. https://doi.org/10.5812/ijhrba-131177

Nunes, F., & Mota, C. P. (2023). Parenting styles and suicidal ideation of adolescents: The moderating role of social skills. *Revista Iberoamericana de Psicología y Salud*, *14*(1), 18–25. https://doi.org/10.23923/j.rips.2023.01.062

Patterson, G. R. (1982). *Coercive family process*. Castalia.

Peña-Casares, M. J., & Aguaded-Ramírez, E. (2021). Inteligencia emocional, bienestar y acoso escolar en estudiantes de educación primaria y secundaria. *Journal of Sport and Health Research*, *13(1)*, 79–92. https://recyt.fecyt.es/index.php/JSHR/article/view/87372/63880

Petrides, K. V., & Furnham, A. (2000). Gender differences in measured and self-estimated trait emotional intelligence. *Sex Roles*, *42*, 449–461. https://doi.org/10.1023/A:1007006523133

Polderman, I. M., Haverkorn, M., Jaffe, T. R., & Alves, M. I. R. (2019). Low-frequency measurements of synchrotron absorbing HII regions and modeling of observed synchrotron emissivity. *Astronomy & Astrophysics*, *621*, Article A127. https://doi.org/10.1051/0004-6361/201834405

Rademacher, A., Zumbach, J., & Koglin, U. (2025). Parenting style and child aggressive behavior from preschool to elementary school: The mediating effect of emotion dysregulation. *Early Childhood Education Journal*, *53*(1), 63–72. https://doi.org/10.1007/s10643-023-01560-1

Rahayu, B. A., & Permana, I. (2019). Bullying di sekolah: Kurangnya empati pelaku bullying dan

UNCORRECTED PROOF

pencegahan. *Jurnal Keperawatan Jiwa*, *7*(3), 237–246. https://jurnal.unimus.ac.id/index.php/JKJ/article/download/5095/pdf

Rezvan, A., & D'Souza, L. (2017). Influence of parenting styles on mental health of adolescents. *European Online Journal of Natural and Social Sciences*, *6*(4), 667–673. https://european-science.com/eojnss/article/download/5165/pdf

Romano, I., Butler, A., Patte, K. A., Ferro, M. A., & Leatherdale, S. T. (2020). High school bullying and mental disorder: An examination of the association with flourishing and emotional regulation. *International Journal of Bullying Prevention*, *2*, 241–252. https://doi.org/10.1007/s42380-019-00035-5

Ruiz-Aranda, D., Sactillo, R., Salquero, J. M., Cabello, R., Fernandez-Berrocal, P., & Balluerka, N. (2012). Short and midterm effects of emotional intelligence training on adolescent mental health. *Journal of Adolescent Health*, *51*(5), 462–467. https://doi.org/10.1016/j.jadohealth.2012.02.003

Saira, D., Iqbal, Z., & Masood, M. (2023). The influence of peers' bullying behavior on students' emotional intelligence at secondary school level. *Annals of Human and Social Sciences*, *4*(1), 317–325. https://doi.org/10.35484/ahss.2023(4-I)29

Saleh, A., Hapsah, H., Krisnawati, W., & Erfina, E. (2021). Parenting style and bullying behavior in adolescents. *Enfermería Clínica*, *31*, S640–S643. https://doi.org/10.1016/j.enfcli.2021.07.009

Sánchez-Sosa, J. C., Villarreal-González, M. E., Musitu, G., & Martínez Ferrer, B. (2010). Ideación suicida en adolescentes: Un análisis psicosocial [Suicidal ideation in adolescents: A psychosocial analysis]. *Journal of Psychosocial Intervention*, *19*(3), 279–287. https://scielo.isciii.es/pdf/inter/v19n3/v19n3a08.pdf

Schlagbaum, P., Tissue, J. L., Sheftall, A. H., Ruch, D. A., Ackerman, J. P., & Bridge, J. A. (2021). The impact of peer influence on adolescent suicidal ideation and suicide attempts. *Journal of Psychiatric Research*, *140*, 529–532. https://doi.org/10.1016/j.jpsychires.2021.06.027

Schokman, C., Downey, L. A., Lomas, J., Wellham, D., Wheaton, A., Simmons, N., & Stough, C. (2014). Emotional intelligence, victimization, bullying behaviors and attitudes. *Learning and Individual Differences*, *36*, 194–200. https://doi.org/10.1016/j.lindif.2014.10.013

Sibold, J., Edwards, E. M., O'Neil, L., Murray-Close, D., & Hudziak, J. J. (2020). Bullying environment moderates the relationship between exercise and mental health in bullied US children. *Journal of School Health*, *90*(3), 194–199. https://doi.org/10.1111/josh.12864

Smetana, J. G. (2017). Current research on parenting styles: Definitions, patterns, and controversies. *Current Opinion in Psychology*, *15*, 19–25.

UNCORRECTED PROOF

https://doi.org/10.1016/j.copsyc.2017.02.012

Soimah, Hamid, A. Y. S., & Daulima, N. H. C. (2019). Family's support for adolescent victims of bullying. *Enfermería Clínica*, *29*, 747–751. https://doi.org/10.1016/j.enfcli.2019.04.113

Soriano-Sánchez, J. G., & Jiménez-Vázquez, D. (2022). Benefits of emotional intelligence in school adolescents: A systematic review. *Revista de Psicología y Educación*, *18*(2), 83–95. https://doi.org/10.23923/rpye2023.02.237

Trigueros, R., Sanchez-Sanchez, E., Mercader, I., Aguilar-Parra, J. M., López-Liria, R., Morales-Gázquez, M. J., Fernández-Campoy, J. M., & Rocamora, P. (2020). Relationship between emotional intelligence, social skills and peer harassment: A study with high school students. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, *17*(12), Article 4208. https://doi.org/10.3390/ijerph17124208

Wang, L., Tian, J., & Rozelle, S. (2024). Parenting style and child mental health at preschool age: Evidence from rural China. *BMC Psychiatry*, *24*(1), Article 314. https://doi.org/10.1186/s12888-024-05707-1

World Health Organization. (2021, August 5). *Adolescent mental health*. https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/adolescent-mental-health

Yang, K., Kim, S. Y., Kim, H., & Hwang, J. W. (2022). Association among self-injury, suicidal tendency, and personality and psychological characteristics in Korean adolescents. *Psychiatry Investigation*, *19*(1), 37–43. https://doi.org/10.30773/pi.2021.0184

Yingzi, L. (2021). *A comparative study of the relationships among peer victimization and depression in non-left-behind and left-behind junior high students: A moderated mediation model of self-esteem and family support* [Master's thesis, Xinyang Normal University]. CNKI.

Yosep, I., Hikmat, R., Mardhiyah, A., Kurniawan, K., & Amira, I. (2023). A scoping review of the online interventions by nurses for reducing negative impact of bullying on students. *Journal of Multidisciplinary Healthcare*, *16*, 773–783. https://doi.org/10.2147/jmdh.s406050

Yosep, I., Mardhiyah, A., Kurniawan, K., & Maulana, I. (2024). The relationship between emotional intelligence and bullying in adolescents: A scoping review. *OBM Neurobiology*, *8*(4), Article 251. http://dx.doi.org/10.21926/obm.neurobiol.2404251

Zhang, W., & Wang, Z. (2023). Parenting styles and adolescents' problem behaviors: The mediating effect of adolescents' self-control. *Psychological Reports*, *126*(6), 2979–2999. https://doi.org/10.1177/00332941221105216

UNCORRECTED PROOF

Zhou, Z. K., Liu, Q. Q., Niu, G. F., Sun, X. J., & Fan, C. Y. (2017). Bullying victimization and depression in Chinese children: A moderated mediation model of resilience and mindfulness. *Personality and Individual Differences*, *104*, 137–142. https://doi.org/10.1016/j.paid.2016.07.040

Zhukova, M. A., Li, N., Zhukov, V., & Grigorenko, E. L. (2023). A dimensional approach to discrepancy in parenting styles in Russian families. *Children*, *10*(8), Article 1367. https://doi.org/10.3390/children10081367

UNCORRECTED PROOF